



**UCAPAN TAAT SETIA**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**PADA**  
**ISTIADAT PENGANUGERAHAN DARJAH, BINTANG DAN**  
**PINGAT KEBESARAN NEGERI MELAKA 2022**  
**SEMPENA**  
**SAMBUTAN RASMI HARI JADI KE-73**  
**TUAN YANG TERUTAMA**  
**YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**  
**TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD**  
**RUSTAM**

**TARIKH: 24 OGOS 2022 (RABU), MASA: 9.00 PAGI**  
**DI BALAI ISTIADAT SERI NEGERI, AYER KEROH,**  
**MELAKA**

**“KELUARGA MELAKA TEGUH BERSAMA”**

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

Dilafaz selawat paling afdal,

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ  
عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya,  
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Kehadapan Yang Dikasihi;

**Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd  
Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka;**

Yang Amat Berbahagia;

**Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Abdul Rahman;**

1. **BismillahirRahmanirRahim.** Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasihani. Maha Suci Allah, Tuhan 7 Petala Langit, 7 Petala Bumi. Dia Maha Mengetahui, baik yang nyata, mahupun yang tersembunyi.
2. Sebermula ucapan Taat Setia, pada pagi yang indah nan penuh barokah ini, aulanya, izinkan saya memetik **doa Nabi Allah Sulaiman Alaihissalam,** seperti tercatat dalam **surah An-Naml, ayat 19,** mafhumnya:

فَتَبَسَّمْ ضَاحِكًا مِّن قَوْلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ

الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأُدْخِلْنِي

بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ ﴿١٩﴾

3. ***“... Rabbi Auzik’ni an Asykura nik’matakak Lati An-am’ta alai-ya wa ala waa-lidai-ya wa an ak’mala soo-lihan tardhoo-hu wa ad-khilni birah-matika fii i’-baa-dikas Soo-lihin.”***
  
4. **Bahawasanya, “Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan masukkanlah daku, dengan limpah rahmatMu, dalam kumpulan hamba-hambaMu yang soleh”.**

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia,

5. Syahadan, di dalam suasana majlis yang saadah lagi penuh istiadat ini, maka dengan segala takzimnya, saya mewakili Kerajaan Melaka dan seluruh kepimpinan Negeri, serta sekalian rakyat di bumi bersejarah ini, merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, lalu menzahirkan setinggi-tinggi tahniah kepada,...

6. **Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, sempena hari jadinya yang ke-73.**
7. Saya dan sekalian rakyat Negeri Melaka mendoakan, semoga Tun Seri Setia dikurniakan afiat berpanjangan. **Aamiin!**
8. Hari ini, saya bersama barisan kepimpinan serta sekalian rakyat Melaka berasa bertuah dan bangga, kerana kami dapat berpayung di bawah Tuan Yang Terutama Tun, untuk tahun yang ketiga.
9. Arakian, ditambah lagi, **kesudian Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira** bagi menghadiri seraya menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Darjah, Tauliah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka ini, jelas membuktikan bahawa, betapa kasihnya peribadi Yang di-Pertua Negeri, terhadap rakyat jelatanya.

10. Bagai dimadah pantun Melayu,

**KEMBANG HARUM MELATI BERSEMI,  
MEKAR DI TAMAN SERIBU BUNGA;  
TUN SETIA MEMAYUNGI NEGERI,  
DOA KAMI DIPANJANGKAN USIA.**

Tuan Yang Terutama Tun,

### **Penghargaan Kepada Kerajaan Persekutuan**

11. Atas **semangat Keluarga Malaysia**, yang selari dengan **kerangka hala tuju MELAKA RUMAHKU**, bagi pihak Kerajaan Melaka, saya menzahirkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**, Perdana Menteri Malaysia.
  
12. Antaranya, kerana memperuntukkan sebanyak **171** projek pembangunan keseluruhannya bernilai **5.53 bilion ringgit** telah diluluskan di Negeri Melaka, melibatkan **574 juta ringgit** untuk tahun 2022.
  
13. Saya yakin, hubungan erat di antara Kerajaan Melaka dengan Kerajaan Persekutuan **umpama sebuah keluarga besar, ibarat aur dengan tebing, lengkap-melengkapi, saling perlu-memerlukan.**

Tuan Yang Terutama Tun,

14. Di kesempatan ini, Kerajaan Melaka turut berduka, seraya merakamkan takziah kepada **Yang Amat Berbahagia, Tun Datuk Seri Utama, Dr. Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka Keenam, di atas kepulangan ke Rahmatullah Allahyarhamah Toh Puan Datin Seri Utama, Dato' Zurina binti Kassim** pada 18 Ogos yang lalu.
  
15. Marilah kita **bertafakur sejenak, seraya kepada yang beragama Islam, kita sama-sama sedekahkan kepadanya Al-fatihah,....**
  
16. Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia, untuk selanjutnya, izinkan saya untuk menyampaikan pula ucapan kepada dif-dif kehormat, para jemputan, penerima Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka serta para hadirin yang dihormati sekalian.



**Yang Berusaha Tuan dan Puan Pengacara Majlis;**

**YB Datuk Wira Ibrahim bin Durum,  
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;**

**YB Datuk Zaidi bin Johari,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;**

**YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;**

**YB Ahli-ahli Dewan Rakyat;**

**Ketua-ketua Jabatan Kerajaan Negeri dan  
Persekutuan;**

**YBhg. Tan Sri, Puan Sri;**

**YBhg. Datuk Seri, Datin Seri.**

**YBhg. Datuk Wira, Datuk-datuk, Datin-datin.**

**Dif-dif jemputan, seterusnya para khalayak sekalian,**

17. Alhamdulillah, pada majlis penuh istiadat ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, tahniah dan syabas, kepada semua penerima Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka bagi tahun 2022.
18. Semoga dengan penganugerahan ini, akan menjadi pendorong untuk semua terus memberi sumbangan dan khidmat bakti yang berguna, kepada negeri serta tanah air tercinta.

Para hadirin yang saya hormati,

19. Pada pagi ini, atas nilai **“KELUARGA MELAKA, TEGUH BERSAMA”**, saya ingin berkongsi **6 perihal utama** merangkumi pelan, strategi dan kejayaan, dalam usaha kita memakmurkan negeri bersejarah ini.
20. **Perihal Pertama adalah, PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN NEGERI MELAKA.** Meskipun negara masih berdepan dengan kesuraman ekonomi global, namun ekonomi Negeri Melaka tetap tumbuh berkembang positif, apabila prestasi KDNK Melaka pada tahun 2021 **telah mencatatkan pertumbuhan 2.9 peratus.**

21. Sektor **perkhidmatan** dan **pembuatan** mendominasi struktur ekonomi Melaka yang masing-masing menyumbang sebanyak **48.8 peratus** dan **37.9 peratus**.
22. Sektor **pertanian** pula menyumbang sebanyak **10.9 peratus**, manakala sektor **pembinaan** menyumbang **2.1 peratus**, diikuti oleh sektor **perlombongan** dan **pengkuarian**, menyumbang pada **kadar 0.3 peratus** kepada ekonomi Negeri Melaka.
23. Selain itu, kadar pengangguran Negeri Melaka pada tahun 2021 pula mencatat kedudukan kedua terendah selepas Putrajaya, iaitu **2.0 peratus** berbanding peringkat nasional pada kadar **4.6 peratus**.
24. Sungguhpun demikian, Kerajaan Melaka terus mempergiatkan lagi inisiatif demi membantu rakyat negeri mencari peluang pekerjaan, terutama kepada golongan muda, melalui pelbagai program antaranya penganjuran Karnival Penjana Kerjaya Melaka *Careertrans*.

Hadirin yang dihormati,

25. **Perihal Kedua adalah PELABURAN.** Kita bersyukur, tahun 2021 mula menampakkan cahaya kejayaan, apabila Negeri Melaka menerima jumlah pelaburan yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, dengan pelaburan melebihi daripada jumlah sasaran iaitu sebanyak **RM5.8 bilion.**
26. Sebanyak **169 projek** pelaburan telah diluluskan di Negeri Melaka, di mana **RM3.7 bilion** melalui pelaburan asing manakala **RM2.1 bilion** adalah pelaburan tempatan.
27. Sektor pembuatan iaitu **sektor elektrik dan elektronik** merupakan sektor tertinggi yang paling mendapat permintaan pelabur dengan pelaburan sebanyak **RM3.3 bilion** pada tahun 2021, mewujudkan sebanyak **3,948** peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Melaka.
28. Bagi bulan Januari hingga Mac 2022 sahaja, sebanyak **47 projek** pelaburan telah diluluskan di Negeri Melaka dengan pelaburan sejumlah **RM2.9 bilion**, di mana **RM2.2 bilion** adalah **pelaburan asing**, manakala **RM0.7 bilion pelaburan tempatan.**

29. Pada suku pertama tahun 2022, sektor pembuatan iaitu elektrik dan elektronik adalah sektor tertinggi yang paling mendapat permintaan pelabur, dengan menyumbang pelaburan sebanyak **RM2.2 bilion**.
30. Projek-projek pelaburan yang diluluskan tersebut telah mewujudkan sebanyak **610** peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Melaka.
31. Malahan, setakat Mac 2022 sahaja, Melaka berada di kedudukan **ke-5** dalam pelaburan bagi sektor pembuatan di seluruh Malaysia.
32. Selanjutnya, menerusi PKNM pula, kita kini sedang giat merancang untuk membangunkan kawasan hub ekonomi utara Melaka dan pembesaran hub ekonomi sedia ada di bahagian selatan Melaka, dengan memfokuskan kepada teknologi IR 4.0.
33. Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri juga sedang menaik taraf dan menyediakan kawasan perindustrian bersama infrastruktur yang lengkap serta utiliti-utiliti yang diperlukan dalam kawasan perindustrian yang boleh menggalakkan penggunaan teknologi IR 4.0.

34. Selain itu, pentadbiran Kerajaan Negeri juga akan memantapkan kedudukan kewangan dan merencanakan pembangunan, supaya kita tidak ketinggalan, selaras dengan Aku Janji di bawah teras Lonjakan Ekonomi Baharu.

Para hadirin yang dimuliakan,

**35. Perihal Ketiga adalah MANIFESTO KERAJAAN NEGERI MELAKA.** Bertemakan manifesto **“Kestabilan Demi Kemakmuran”** untuk tempoh **5 tahun** mendatang, Kerajaan Melaka begitu komited dalam melaksanakan keseluruhan **103 inisiatif seperti yang dijanjikan.**

36. Di sini, **sukacita saya umumkan bahawa, pencapaian 100 hari dengan 58 inisiatif telah dicapai sepenuhnya sebanyak 100 peratus.**

37. **Ini diikuti dengan pencapaian 1 tahun sebanyak 26 inisiatif; pencapaian 3 tahun dengan 1 inisiatif; dan pencapaian 5 tahun berjumlah 18 inisiatif.**

38. Di sisi ini juga, Kerajaan Negeri amat komited untuk mengotakan segala inisiatif yang terkandung di dalam Aku Janji tersebut. Manifesto ini telah dirangkumkan menjadi sebahagian daripada perancangan besar Kerajaan Negeri yang didokumenkan di dalam **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya Versi Kedua**.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati;

39. **Perihal Keempat adalah PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU JAYA 2035 (PSMJ 2035)**.

Lebih 500 tahun lalu, Tome Pires dalam buku *The Suma Oriental* pernah mengatakan, “***Whoever is lord of Malacca, has hand on the throat of Venice***”.

40. Lalunya, bagi mengembalikan kegemilangan Melaka sebagai ‘**Venice of The East**’ iaitu pusat perdagangan dunia, maka Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) telah dilancarkan, sebagai ‘*living document*’, untuk memeta hala tuju pembangunan Negeri Melaka bagi tempoh 15 tahun mendatang.

41. Malah, pencapaian perancangan tahun pertama telah dinilai dengan catatan sebanyak **91** peratus.
42. Tahun 2022 pula, saya telah umumkan sebagai **Tahun Kecekapan Pelaksanaan**. Justeru, dokumen PSMJ 2035 Versi Kedua adalah sebuah dokumen untuk mengukur kecemerlangan pelaksanaan program pentadbiran di peringkat Kerajaan Negeri Melaka.
43. Setahun setelah pelaksanaannya, PSMJ 2035 kini menampakkan keberkesanan, dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi, menggalakkan pelaburan domestik dan asing, memperkasa sektor pelancongan, pembangunan infrastruktur, pemulihan warisan serta peningkatan modal insan.
44. Contohnya, Kerajaan Melaka telah berjaya menyiapkan Pelan Induk **Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ)**, sebagai *game changer*, bagi dijadikan rujukan dan panduan kepada semua pelabur yang berminat untuk sama-sama terlibat dalam zon pembangunan tersebut.



45. Menjengah masa depan, Kerajaan Melaka juga sedang berusaha menjadi sebuah Negeri Pintar menjelang tahun 2035, selain melipatgandakan ikhtiar sebagai persediaan menjadi Hab Pelancongan dan Pendidikan yang tersohor di dunia.

Hadirin yang dikasihi,

46. **Perihal Kelima adalah RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKE-12).** Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dalam memastikan rakyat Melaka mendapat infrastruktur asas yang baik.

47. Di bawah **Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan Pertama Tahun 2021***, Melaka telah menerima peruntukan **RM359 juta** untuk pelaksanaan **169 projek**.

48. Manakala dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan Kedua Tahun 2022*, **181** projek pembangunan dengan kos keseluruhan bernilai **RM5.610 bilion** telah diluluskan di Melaka, melibatkan **RM571 juta**.

49. Selain itu, tambahan **RM20 juta** telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan untuk projek berkaitan jaminan makanan, pelancongan dan pemeliharaan serta pemuliharaan alam sekitar termasuk menangani isu banjir.
50. Tahun 2023 pula, kita merancang dan menyusun semula projek sedia ada, agar lebih menepati setiap kumpulan sasar terutama projek-projek secara penswastaaan khususnya di Zon Pembangunan Ekonomi Persisiran Pantai Melaka atau M-WEZ.
51. Selain itu, kita juga akan panjangkan permohonan projek kepada Kerajaan Persekutuan melalui permohonan **Rolling Plan Keempat RMKe-12** bagi pelaksanaan tahun 2024.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

52. **Perihal terakhir adalah MENANGANI PERMASALAHAN ISU SEMASA DI MELAKA.**  
Rakyat adalah segalanya bagi Kerajaan Negeri, Luahan hati mereka sentiasa kita beri perhatian dan ambil tindakan.

53. Saya dapati, antara isu yang menjadi keresahan dalam kalangan rakyat Melaka adalah berkaitan masalah bekalan air, banjir, pembangunan, ekonomi dan sebagainya.
54. Pada hemat saya,... ***'burdening people with problem is an old deal, not a new deal!***
55. Kerana itu, kita berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, di atas kelulusan **8** projek bernilai **RM931.2 juta**, sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang kepada isu banjir yang menimpa di Negeri Melaka.
56. Salah satunya adalah projek menaik taraf kolam tebatan banjir Krubong-Durian Tunggal sebagai kolam dwi-fungsi untuk tebatan banjir dan sumber air.
57. Untuk pengetahuan hadirin, projek ini adalah yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia. Selain itu, sebanyak **27** projek jangka pendek bernilai **RM17.6 juta** akan dilaksanakan pada tahun 2022, menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

58. Berpegang kepada '**Kecekapan Pelaksanaan Demi Kemakmuran**' juga, Alhamdulillah, baru-baru ini kita menerima khabar gembira apabila **Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)** dan **Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ)**, berjaya memperoleh status sebagai antara **10 bandar di Malaysia yang menerima Anugerah Bandar Berdaya Huni Tahap Tertinggi 2021**. Sekalung saya ucapkan!
59. Semestinya, anugerah dan pengiktirafan yang diterima oleh kesemua PBT ini membuktikan bahawa, bumi Melaka adalah sebuah negeri yang benar-benar berdaya huni, bukan sahaja untuk tinggal dan bekerja, menjalankan kegiatan ekonomi dan perniagaan, bahkan mampu menjadi destinasi pelancongan serta pelaburan yang utama lagi menarik.

## **PENUTUP**

60. Khulasahnya, saya dan juga barisan pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka berharap, supaya Kerajaan Persekutuan dapat menyokong hasrat Kerajaan Melaka, dalam memacu pertumbuhan pesat negeri ini.
61. Saya yakin, dengan usaha gigih yang berterusan, saling percaya, teguh bersama sebagai satu pasukan mantap, demi meraih prestasi cemerlang ini, saya cukup optimis, Negeri Melaka mampu muncul menjadi sebuah negeri yang hebat lagi terbilang. InsyaAllah!
62. Saya berdoa, semoga Allah SWT akan membuka pintu rezeki seluas-luasnya, lalu mengurniakan kepada kita dan sekalian rakyat Negeri Melaka dengan keberkatan serta kemakmuran, menjadi Negeri **“Baldataun Thoyyibatun Wa Rabbun Ghafur”**.

63. Apa pun, bak diungkap oleh **Profesor Buya Hamka** bahawa, **“Satu hati lebih mahal daripada senyuman. Satu jiwa lebih bernilai daripada sebarang cincin atau mutiara.”** Maka itu, marilah **kita rapatkan saf, teguh bersama, SEHATI DAN SEJIWA** menggapai cita-cita dan usaha!
64. Lebih penting, saya dan barisan kepimpinan serta rakyat Negeri Melaka, memberi **ikrar taat setia kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam**, dalam memayungi Negeri Melaka ini.
65. Benarlah, kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan bukan sahaja menambah seri Majlis Istiadat ini, bahkan membuktikan betapa semarak dan kasih sayangnya peribadi Yang di-Pertua Negeri, terhadap rakyat serta Negeri Melaka.
66. Terima kasih Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan. Kami amat-amat menghargainya!

**Kehadapan Yang Dikasihi;**

**Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka,**

67. Demikianlah kalam saya pada istiadat gemilang pada kali ini. *Dhamir* saya, bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Melaka mendoakan, moga-moga **Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah binti Abdul Rahman serta seisi keluarga** sentiasa dikurniakan rahmat dan maghfirah, afiat sejahtera, dengan penuh kemuliaan.

**Aamiin Ya Rabbal A'Lamin!**

Sekian,

*Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.